



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED
CLASSROOM DALAM MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MENULIS DALAM
KALANGAN MURID SJKC**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

SHALENEE A/P SUNDARESAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM
DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS
DALAM KALANGAN MURID SJKC**

SHALENEE A/P SUNDARESAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9.....(hari bulan)..SEPT..... (bulan) 2025....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SHALENEE A/P SUNDARESAN (M20191000235) - FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENULISAN AYAT DALAM KALANGAN MURID SJKC

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejalannya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. JULITA @ NORJIETTA BINTI TAISIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEMAHIRAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM KALANGAN MURID SJKC

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9/09/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORJIETTA BINTI TAISIN
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35000 Tanjong Malim Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEMAHIRAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM KALANGAN
MURID SJKC

No. Matrik /Matric's No.: M20191000235

Saya / I : SHALENEE A/P SUNDARESAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Shalenee
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Dr. Norjietta Julita Binti Taisin
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 9/09/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Namah Parvati Pataye Hara Hara Mahadeva! Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat ilahi atas limpahan rahmat, nikmat masa, kesihatan serta tenaga yang dikurniakan, membolehkan saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Setulusnya, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang dikasihi, Profesor Madya Dr. Norjieta @ Julita Mohd Taisin, atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dan dorongan yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini. Sokongan dan kepakaran beliau menjadi sumber inspirasi yang amat berharga dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada suami serta ibu bapa, adik-beradik serta rakan sekerja saya yang sentiasa menjadi pemudahcara dalam melancarkan perjalanan kajian ini. Mereka telah memberikan sokongan moral, dorongan emosi, serta pelbagai kemudahan yang amat saya hargai. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik dan rakan-rakan sekerja yang banyak membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung. Mereka sentiasa memberi peringatan dan sokongan untuk saya terus berusaha, di samping memahami beban tanggungjawab saya sebagai seorang anak, isteri, ibu, guru, dan pelajar pascasiswazah. Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada semua yang telah menyumbang dalam apa jua bentuk bagi menjayakan kajian ini. Semoga segala usaha dan hasil kajian ini memberi manfaat dan sumbangan kepada pembangunan ilmu serta memartabatkan bidang pendidikan di negara kita.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan pendekatan *Flipped Classroom* dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat. Aspek reka bentuk kajian yang dipilih ialah reka bentuk kajian kuantitatif dengan kaedah kuasi eksperimental untuk mengumpul dan menganalisis data ujian pra dan pasca yang digunakan sebagai instrumen dalam menguji dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Data kuantitatif dianalisis menggunakan SPSS versi 23 secara analisis deskriptif peratus markah pencapaian dan analisis inferensi skor min dan sisihan piawai menggunakan *ujian-t*. Kajian ini mendapati peningkatan kemahiran menulis kumpulan rawatan dengan sisihan piawai peningkatan sekitar 9.25% selepas pendekatan *Flipped Classroom* diaplikasi dalam PdPc. Sementara analisis ujian-t pencapaian kemahiran menulis sebelum dan selepas bagi kumpulan rawatan adalah signifikan ($t=4.825$, $df=29$, $p<.001$). Manakala analisis ujian-t pencapaian sebutan sebelum dan selepas bagi kumpulan kawalan pula ialah ($t=-5.859$, $df=29$, $p<.001$). Kesimpulannya, pendekatan *Flipped Classroom* membawa impak dan kesan positif dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid-murid sekolah cina. Implikasi kajian ini penting bagi pendidik dan pengambil keputusan dalam merancang strategi pembelajaran dengan mengadaptasi strategi yang lebih efektif dalam mengajar kemahiran menulis ayat agar dapat membantu menciptakan lingkungan pembelajaran yang lebih interaktif dan mendorong penglibatan aktif murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.





THE EFFECTIVENESS OF THE FLIPPED CLASSROOM APPROACH IN IMPROVING WRITING SKILLS AMONG SJKC STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to examine the effectiveness of the Flipped Classroom approach in improving sentence writing skills. The chosen aspect of the study design is a quantitative study design with a quasi-experimental method to collect and analyse pre and post test data that is used as an instrument in testing two groups, namely the treatment group and the control group. Quantitative data was analyzed using SPSS version 23 in descriptive analysis of achievement scores and inferential analysis of mean score and standard deviation using t-test. This study found an increase in the writing skills of the treatment group with a standard deviation of improvement of around 9.25% after the flipped classroom approach was applied in teaching and learning. While the *t-test* analysis of the achievement of writing skills before and after for the treatment group is significant ($t=4.825$, $df=29$, $p<.001$). While the *t test* analysis of pronunciation achievement before and after for the control group is ($t=-5.859$, $df=29$, $p<.001$). In conclusion, the flipped classroom approach brings impact and positive effects in improving sentence writing skills among Chinese school students. The implications of this study are important for educators and decision makers in planning learning strategies by adapting more effective strategies in teaching sentence writing skills in order to help create a more interactive learning environment and encourage the active involvement of students in the teaching and learning process.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

SENARAI LAMPIRAN xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 10

1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Hipotesis Kajian	22
1.7	Kepentingan Kajian	23
1.7.1	Guru	23
1.7.2	Sekolah	23
1.7.3	Kementerian Pendidikan Malaysia	24
1.7.4	Murid	25
1.7.5	Penggubal Kurikulum Bahasa Melayu	26
1.7.6	Kajian Lanjutan	33
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	35
1.9	Kerangka Teoritikal	36
1.10	Batasan Kajian	40
1.11	Definisi Operasional	41
1.11.1	Pendekatan Flipped Classroom	41
1.11.2	Pencapaian	43
1.11.3	Kemahiran Menulis Mentalis	45
1.11.4	Bahasa Melayu	47

1.11.5	Ujian Pra	49
1.11.6	Ujian Pasca	51
1.12	Kesimpulan	52

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	58
2.2	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun Lima KSSR (Semakan 2017)	68
2.3	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	69
2.4	Kemahiran Menulis Ayat Bahasa Melayu	69
2.5	Teori Pembelajaran	72
2.5.1	Teori Kognitif	74
2.6	Kajian-kajian Lepas	78
2.7	Isu dan Limitasi Pendekatan <i>Flipped Classroom</i>	89
2.7.1	Beban Kerja Guru	90
2.7.2	Kemahiran Guru dalam Pengendalian Komputer dan ICT	91
2.7.3	Limitasi Fasiliti dan Jurang Digital	92
2.8	Kesimpulan	93
2.9	Cadangan	94

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	97
3.2	Reka Bentuk Kajian	98
3.3	Sampel Kajian	107
3.4	Lokasi Kajian	108
3.5	Instrumen Kajian	108
	3.5.1 Set Ujian	109
	3.5.2 Rancangan Pengajaran Harian	112
3.6	Proses Pengumpulan Data	116
3.7	Prosedur Analisis Data	117
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	120
3.9	Kesimpulan	121

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	123
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	127
4.3	Ujian Pra dan Pasca	131
4.4	Instrumen Kajian	137
4.5	Sistem Gred di Sekolah Malaysia	139

4.6	Ujian Pra	142
4.6.1	Markah Ujian Pra Murid (Kawalan)	142
4.6.2	Markah Ujian Pra Murid (Rawatan)	148
4.7	Ujian Pasca	153
4.7.1	Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Menggunakan Pendekatan Flipped Classroom.	154
4.7.2	Markah Ujian Pasca Murid (Kawalan)	156
4.7.3	Markah Ujian Pasca Murid (Rawatan)	161
4.8	Analisis Data	164
4.8.1	Analisis Peningkatan Peratus Pencapaian Bagi Kumpulan Kawalan	164
4.8.2	Analisis Peningkatan Peratus Pencapaian Bagi Kumpulan Rawatan	167
4.8.3	Analisis Ujian t Pencapaian Peratus Sebelum Dan Selepas	170
4.8.4	Analisis skor min dan sisihan piawai pencapaian Pra dan Pasca murid bagi kumpulan kawalan	172
4.8.5	Analisis skor min dan sisihan piawai pencapaian Pra dan Pasca murid bagi kumpulan rawatan	174
4.8.6	Analisis Ujian t pencapaian keseluruhan	183
4.8.7	Interpretasi Statistik	186
4.9	Dapatan Kajian	187
4.10	Rumusan	190

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	193
5.2	Perbincangan Analisis Kajian Deskriptif	196
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	205
	5.3.1 Cadangan Praktikal Untuk Diperluaskan	208
	5.3.2 Cadangan Kepada Pendidik dan Penggubal Dasar	210
5.4	Rumusan	212
	RUJUKAN	217
	LAMPIRAN	222

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	DSKP BM SJK Tahun 5 (semakan 2017)	72
3.1	Langkah-Langkah Pelaksanaan Kuasi Eksperimen Kajian	101
3.2	Reka Bentuk Kuasi Eksperimental bagi Kaedah Ujian Pra-Pos Kumpulan kumpulan Tidak Seimbang	102
3.3	Rubrik Penskoran Jawapan Bahagian A Membina Ayat - UPSR	110
4.1	Jadual Latar Belakang Responden	128
4.2	Gred dan markah di sekolah Malaysia	133
4.3	Markah Ujian Pra Murid (Kawalan)	142
4.4	Markah Ujian Pra Murid (Rawatan)	148
4.5	Markah Ujian Pasca Murid (Kawalan)	156
4.6	Markah Ujian Pasca Murid (Rawatan)	161
4.7	Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Sebelum dan Selepas Bagi Murid Kumpulan Kawalan	165
4.8	Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Sebelum dan Selepas Bagi Murid Kumpulan Rawatan	168
4.9	Jadual Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan.	172

4.10	Ujian t Perbandingan Skor Min Markah Sebelum Dan Selepas Penggunaan Pendekatan Flipped Classroom Bagi Kumpulan Kawalan.	173
4.11	Jadual Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan.	175
4.12	Ujian T Perbandingan Skor Min Markah Sebelum Dan Selepas Penggunaan Pendekatan Flipped Classroom Bagi Kumpulan Rawatan.	176
4.13	Jadual Perbandingan Markah Pencapaian Min Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan.	178
4.14	Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Markah Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Murid-Murid Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pra.	180
4.15	Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Markah Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Murid-Murid Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pasca	181
4.16	Jadual Ujian t Murid Kumpulan Kawalan dan Rawatan	184

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	35
1.2	Proses Pelaksanaan Kajian	36
1.3	Kerangka Teoretikal Kajian	37
1.4	Model Bilik Darjah Terbalik (<i>Flipped Classroom</i>)	63
3.1	Proses Kajian Penggunaan Kaedah Flipped Classroom dalam meningkatkan pencapaian Kemahiran Menulis	103
3.2	Formula Pengiraan Julat	104
3.3	Perbandingan Model Pendidikan Tradisional dan Model Bilik Darjah Terbalik (Moravec et al, 2010)	115
4.1	Carta Pai Peratusan Jantina Responden	129
4.2	Carta Pai Peratusan Bangsa Responden	131
4.3	Peratus Markah Pencapaian Kemahiran Menulis Ayat Bagi Kumpulan Kawalan	167
4.4	Peratus Markah Pencapaian Kemahiran Menulis Ayat Bagi Kumpulan Rawatan	170

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
COVID-19	Corona Virus Disease 2019
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
ICT	Information and Communications Technology
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KLSR	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	<i>Literacy and Numeracy Screening</i>
M	min
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>
p	signifikan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
PdPc	Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PDPR	Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RI 4.0	Revolusi Industri 4.0

RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJJC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UASA	Pentaksiran Ujian Akhir Sesi Akademik
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Intervensi
- B Instrumen Ujian
- C Hasil Kerja Murid – Ujian Pra
- D Hasil Kerja Murid – Ujian Pasca
- E Tapak : Google Classroom





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan penjelasan menyeluruh mengenai kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik, termasuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, soalan kajian, dan hipotesis. Kerangka teoretikal dan konseptual dibentuk untuk memahami pemboleh ubah yang terlibat, sementara definisi operasional menjelaskan konsep penting dan teori yang menjadi asas kajian ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem Pendidikan di Malaysia berkembang pesat di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan perancangan yang sejajar dengan kemampuan murid. Semua program untuk para murid di negara ini dibina bertujuan melahirkan insan seimbang jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Namun, segala perancangan ini hanya akan berjaya sekiranya kemahiran asas dalam diri murid diberi perhatian yang mencukupi.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”
(Falsafah Pendidikan Negara, 1988)

Kemahiran menulis penting dalam Sukatan Pendidikan Bahasa Melayu. Perubahan kurikulum sejak Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) hingga kini menitikberatkan pada perkembangan kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah rendah.

Pendidikan abad ke-21 bertujuan menghasilkan murid produktif, mahir berkomunikasi, berfikir tinggi, dan mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan





komunikasi (TMK). Guru perlu bersedia untuk berubah dalam kaedah dan cara pengajaran dan meningkatkan kemahiran untuk memimpin murid secara optimum.

Guru-guru perlu sedar bahawa transformasi ini tidak mudah kerana perlu hadapi murid dari pelbagai latar belakang. Pengajaran Bahasa Melayu terutamanya di sekolah yang bukan penutur jati seperti di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sudah pasti amat mencabar kerana murid mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga selepas Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Cabarannya adalah untuk mereka menguasai kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis dalam bentuk ayat.

Kemahiran menulis Bahasa Melayu di sekolah rendah merupakan kemahiran kompleks yang perlu dikuasai oleh murid-murid setelah menguasai kemahiran bertutur dan membaca. Kenyataan tersebut bertepatan dengan pandangan Che Zanariah dan Fadzilah (2011) yang menyatakan bahawa proses penulisan perlu dilakukan secara sistematik untuk menghasilkan penulisan yang gramatis dan mematuhi hukum penulisan.

Kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mengira (kemahiran 3M) perlu seimbang dalam pertumbuhan murid sekolah rendah untuk mencapai Wawasan 2020. Kemahiran ini penting dan jadi ukuran negara dalam bidang pendidikan. Usaha kerajaan meletakkan kemahiran asas ini sebagai salah satu sub Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan perlu diberi pujian. Melalui program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) pihak sekolah dapat memantau perkembangan murid dalam penguasaan ketiga-tiga kemahiran ini. Hal ini juga kerana, program LINUS merupakan inisiatif Kementerian





Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi murid-murid Tahun 1 hingga 3 di sekolah rendah seluruh Malaysia (Peng, 2015).

Namun demikian, kegagalan murid menguasai kemahiran menulis akan memberi kesan yang besar pada tahap seterusnya. Menurut Tuu (t.t), pada tahap sekolah rendah, murid juga tidak mampu menulis dengan sendiri tanpa bergantung kepada lambang konkrit seperti tulisan di papan hitam atau buku teks. Jamian (2011) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa masalah utama murid dalam kemahiran menulis adalah ketidakmampuan murid untuk membezakan tanda baca seperti huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan. Di samping itu, murid juga menghadapi kesukaran dalam mengenali abjad dan tanda baca dengan tepat dan bersesuaian ketika menulis.



Jika isu ini tidak ditangani dengan efektif, terdapat kemungkinan besar murid akan menghadapi masalah dalam penulisan di peringkat sekolah menengah. Menurut Ali (2018), kemahiran menulis adalah kemahiran yang kompleks selepas kemahiran bertutur dan membaca yang perlu dikuasai oleh murid. Pandangan ini turut dikongsi oleh Che Hassan & Abd Rahman (2011), yang menyatakan bahawa penguasaan kemahiran menulis adalah proses yang rumit dan perlu dilaksanakan mengikut aturan yang sistematik, kerana aktiviti menulis berkait rapat dengan kemampuan murid untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan mematuhi peraturan penulisan.





Kemahiran menulis juga merangkumi kemampuan murid untuk berfikir, menaakul, menyusun, dan mengolah idea sebelum menghasilkan wacana yang lengkap. Murid perlu menguasai struktur penulisan seperti pendahuluan, perenggan, isi, dan penutup dalam penulisan kreatif seperti karangan. Penekanan dalam kemahiran ini termasuk penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca yang tepat, dan ejaan yang betul. Selain itu, kemahiran menulis juga melibatkan beberapa aspek lain seperti penggunaan pelbagai jenis ayat, aspek mencatat dan menyusun maklumat, penghasilan penulisan kreatif dan bukan kreatif, serta menulis ulasan tentang bahan yang didengar, ditonton, dan dibaca.

Oleh itu, guru perlu mengasah kemahiran menulis murid sebelum memasuki peringkat lanjutan. Mereka perlu gunakan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran untuk membolehkan murid menguasai kemahiran tersebut. Guru berperanan penting dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada murid semasa aktiviti penulisan agar mereka dapat menyusun idea dengan tepat dan menjawab soalan peperiksaan dengan baik.

Tulisan adalah bahasa tertulis dengan lambang-lambang bunyi yang melahirkan fikiran dan perasaan, dan lambang bunyi yang dipindahkan dalam bentuk grafik untuk melahirkan perasaan, fikiran, dan idea. Menulis adalah mencatat kata-kata dengan huruf untuk melahirkan perasaan dan buah fikiran melalui tulisan dan merupakan proses memindahkan lambang bunyi yang teratur untuk menciptakan komunikasi yang bermakna.





Kemahiran menulis melibatkan penulisan perkataan, ayat, dan idea melalui pelbagai penulisan kreatif berkaitan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan tatabahasa, tanda baca, dan ejaan betul. Terdapat konsep menulis sebagai aktiviti menghasilkan bahan bertulis, hasil kerja penulis, penggunaan huruf atau simbol untuk mewakili bunyi, menggambarkan makna, dan sebagai bentuk penulisan untuk menyampaikan idea dan pendapat.

Menurut Zamri (2014), kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran bertutur dan membaca. Tanpa menguasai menulis, informasi dari tutur dan bacaan sukar diterjemahkan. Penguasaan menulis mencabar murid kerana melibatkan kemahiran meta kognitif seperti yang disebut oleh Roselan (2003). Kemahiran menulis kompleks dan memerlukan kognisi tinggi.



Walau bagaimanapun, menurut Zamri dan Mohamed Amin (2003), kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran bertutur dan membaca. Tanpa menguasai menulis, informasi dari tutur dan bacaan sukar diterjemahkan. Penguasaan menulis mencabar murid kerana melibatkan kemahiran meta kognitif seperti yang disebut oleh Roselan (2003). Kemahiran menulis kompleks dan memerlukan kognisi tinggi.

Selain itu, Zamri (2015) mendapati bahawa strategi pembelajaran yang sesuai berkaitan dengan pencapaian murid dalam peperiksaan. Oleh itu, guru seharusnya mendedahkan murid kepada pelbagai strategi pembelajaran dalam pembelajaran bahasa. Pengetahuan tentang strategi ini membolehkan murid menggunakannya dalam





kemahiran menulis untuk peperiksaan, di dalam atau di luar bilik darjah, untuk mencapai matlamat melahirkan penulis yang mahir pada abad ke-21.

Modul Kemahiran Menulis dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun Lima (2014) menekankan kemahiran menulis sebagai keupayaan para murid untuk menulis idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi.

Murid diajar untuk gunakan kreativiti dalam menulis untuk mengembangkan kemahiran bahasa melalui pelbagai jenis bahan prosa, puisi, dan grafik. Kemahiran menulis penting dalam melahirkan idea berunsur pengetahuan dan imaginasi. (DSKP Bahasa Malaysia Tahap Satu, 2012). Menurut Ali (2018), kemahiran menulis adalah kompleks dalam Bahasa Melayu. Che Hassan & Abd Rahman (2011) juga menyatakan penulisan perlu dilakukan dengan aturan sistematik untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan mematuhi hukum penulisan.

Kemahiran menulis memerlukan keupayaan untuk berfikir, merangkumi, dan menyusun idea sebelum menulis wacana. Penting untuk menguasai struktur penulisan seperti pendahuluan, isi dan penutup. Penekanan juga diberi kepada tatabahasa, tanda baca dan ejaan yang betul. Aspek lain termasuk penggunaan ayat, mencatat maklumat, penulisan kreatif dan ulasan bahan bacaan.





Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 menggariskan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) dan Pemudahcaraan atau dikenali sebagai PdPcc Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. Pendidikan Bahasa Melayu penting sebagai asas kejayaan murid dalam pembelajaran di era ini.

Penekanan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah penting bagi fungsi sosial murid. Pengajaran kemahiran menulis untuk murid Tahap I melibatkan mengenal dan menulis abjad, membentuk perkataan, frasa, serta ayat. Murid Tahap II perlu menghasilkan idea dan perasaan untuk komunikasi tulisan.

Pengajaran kemahiran menulis murid di Tahap I dan II menekankan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkonsepkan aktiviti didik hibur. Aktiviti seperti nyanyian, permainan, dan penggunaan bahan menarik membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran Bahasa Melayu. Murid di tahap II diberi penekanan dalam aplikasi kemahiran bahasa untuk berkomunikasi lebih berkesan dalam pelbagai situasi. Penguasaan kosa kata dan tatabahasa yang baik membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti. Pengajaran Bahasa Melayu ini sesuai diaplikasikan di bilik darjah SK dan SJK ke arah keberhasilan PPPM 2013





hingga 2025, melambangkan keberkesanan pendidikan abad ke-21 dalam konsep pendidikan era Revolusi Industri (RI) 4.0.

Guru juga perlu mengasah kemahiran menulis ayat mudah dalam kalangan murid sebelum melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Penggunaan pendekatan yang sesuai dan pendedahan strategi penulisan oleh guru adalah penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini membolehkan murid menyusun dan menghuraikan idea serta menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Guru perlu memastikan murid mempunyai kemahiran menulis yang baik dalam Bahasa Melayu supaya mereka dapat berkomunikasi dengan baik. Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa tertinggi yang perlu dikuasai oleh murid.



Bahasa Melayu melalui penggunaan ayat jenis ayat penyata. Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan efektiviti pembelajaran, menarik minat murid dan memberikan maklumat secara cepat. Dengan multimedia seperti visual, teks, gambar dan video, pembelajaran akan lebih efektif bagi murid-murid Tahun 5 yang menghadapi masalah dalam kemahiran menulis ayat jenis ayat penyata. Abdul Rashid Jamian (2012) menyatakan bahawa pendekatan ini juga dapat membuat pembelajaran lebih menyeronokkan.





1.3 Pernyataan Masalah

Masalah yang sering timbul dalam pengajaran menulis ayat adalah guru masih menggunakan kaedah konvensional. Guru lebih banyak bercakap mengenai isi yang perlu ditulis dan memberikan idea kepada murid dengan berkongsi pendapat, yang hanya memerlukan murid menyalin semula ayat lengkap yang diajar semasa sesi PdPc. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan penurunan pencapaian Kertas Penulisan Bahasa Melayu UPSR. Yahya Othman dan Suzanawaty Osman (2014) menegaskan bahawa guru masih menggunakan kaedah konvensional yang membatasi keupayaan murid untuk berfikir. Isi penting sesuatu topik diberikan, selain guru yang dengan mudah menyediakan idea kepada murid. Ini membatasi murid untuk cuba jaya keupayaan murid tersebut untuk mengeksplorasi idea dan jana idea baru kerana



segalanya telah disediakan oleh guru untuk mereka.

Kaedah pengajaran yang menekankan penerangan daripada guru didapati tidak memberi banyak bantuan kepada kemahiran menulis ayat lengkap murid (Marohaini, 2004). Pengajaran yang bersifat konvensional dan terpusat kepada guru juga kerap kali menyebabkan murid menjadi pasif dan suasana pembelajaran kurang menyeronokkan (Siti Zabidah, 2006). Ini jelas menunjukkan murid tidak diberi peluang untuk menjanakan idea baru atau menyuarakan pandangan terhadap eksplorasi pembelajaran kerana guru telah bantu untuk memikirkan dengan mewakili mereka. Maka proses pemikiran itu sendiri terjejas dan murid tidak mendapat pengalaman berfikir secara kritis dan kreatif untuk mencapai objektif pembelajaran.





Simah (2019) menyatakan bahawa terdapat guru yang kurang yakin terhadap keupayaan murid untuk mencari isi dengan meneroka pengetahuan sendiri. Sikap guru ini mengakibatkan kebanyakan idea penulisan disediakan oleh guru itu sendiri. Dalam kes ini, peranan guru lebih cenderung sebagai pemberi maklumat daripada memberi peluang kepada murid untuk menulis sendiri. Akibatnya, murid kurang bermotivasi untuk mencari jawapan atau maklumat sendiri kerana semuanya telah disediakan oleh guru. Hal ini menyebabkan murid bergantung secara berterusan kepada guru dalam proses pembelajaran. Kesannya, murid tidak dilatih untuk melibatkan aktiviti berfikir yang seharusnya berlaku semasa proses penulisan karangan (Aziz & Zaitun, 2010).

Dalam pembelajaran konvensional juga, murid merujuk kamus yang berbentuk mawjud untuk mencari maklumat atau makna perkataan yang ingin diketahui.

Walaupun penggunaan kamus digalakkan di dalam kelas, ia sebenarnya memakan masa PdPc untuk murid membuat pencarian kosa kata yang sesuai dalam masa yang ditetapkan. Oleh itu, proses penulisan ayat memakan masa yang banyak. Masa terbazir untuk pembinaan struktur ayat dengan mencari kamus untuk menggunakan kosa kata yang bersesuaian dengan proses merujuk kamus semasa PdPc.

Nada hampir sama diutarakan oleh Rohaida Yusop dan Zamri Mahmood (2015) apabila mendapati kebanyakan guru sukar mengubah teknik penyampaian kandungan kepada bentuk yang lebih segar. Faktor ini mengakibatkan guru tidak mengajarkan isi pelajaran mengikut aras taksonomi kognitif seperti saranan pihak KPM sehingga





membantutkan penglibatan para murid di dalam bilik darjah (Marzini Mokhtar et. al, 2017).

Kemahiran menulis sering menjadi isu dalam perkembangan bahasa para murid. Awang Sariyan (2018) menegaskan bahawa kebanyakan ayat dalam karangan tidak ditulis dengan baik dan berkesan. Masalah ini menjadi lebih rumit apabila para murid tidak berhati-hati menyusun isi sehingga mengganggu proses penandaan dalam peperiksaan. Hal ini dibuktikan dalam kajian Jeffery Tikok (2018) yang mendedahkan penurunan pencapaian gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) selama tiga tahun berturut-turut.

Noorazman Mahat (2009) mengemukakan bahawa kemahiran menulis adalah penting kerana hampir semua ujian di negara ini memerlukan murid memberikan jawapan dalam bentuk penulisan dan ada yang memerlukan jawapan yang terperinci dalam bentuk ayat. Murid yang tidak mahir dalam kemahiran menulis sering menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan. Oleh itu, penting bagi murid untuk menguasai kemahiran menulis agar dapat menghuraikan data dengan tepat, menyusun jawapan dalam bentuk yang tersusun, mudah difahami, dan meyakinkan.

Oleh itu, kemahiran menulis adalah sangat penting dan perlu dikuasai dengan baik. Roselan Baki (2003) berpendapat bahawa proses menghasilkan penulisan adalah kompleks dan harus dijalankan mengikut tahap-tahapnya secara sistematik. Menurut Suhaimi Yunus (2009), kemahiran menulis adalah penting dalam pengajaran dan





pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia merupakan keperluan untuk peperiksaan bertulis UPSR sebelum tahun 2019 dan juga menjadi salah satu kemahiran kritikal dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bermula tahun 2017. Kemahiran menulis yang efektif amat penting untuk mencapai kejayaan akademik dalam sistem pendidikan di seluruh dunia.

Kajian ini juga dapat mempelopori beberapa masalah. Kajian ini mendapati terdapat lima masalah yang berhubung kait dengan masalah menulis dalam kalangan murid di sekolah berkenaan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dalam kajian ini dengan Ketua Panitia Bahasa Melayu sewaktu kajian lapangan berjalan, guru tersebut telah berkongsi beberapa masalah berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu di sekolah ini.



Antara masalah yang dibincangkan ialah kemerosotan dalam penguasaan kemahiran menulis kerana murid telah hampir satu tahun tidak melatih menulis dengan bimbingan sepanjang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan akibat Pandemik Covid-19 dari Februari 2020 sehingga September 2021. Ini telah menjejaskan pengajaran dan pembelajaran apabila semua bentuk pengajaran dibawa dalam bentuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) melalui tapak Google Classroom dan murid kurang menulis dalam bentuk penulisan yang kreatif. Selain itu, murid juga kurang menulis ayat dengan penghuraian disebabkan kurang minat dalam menulis. Ini menyebabkan hasil penulisan ayat murid kurang kreatif. Murid juga banyak melakukan kesalahan tanda baca.





Ini telah menyebabkan murid-murid lemah kosa kata di mana mereka tidak dapat menyatakan pendapat yang dijana dalam minda atau dalam bahasa lain yang besar kemungkinan Bahasa Cina atau Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dengan berkesan kerana tidak dapat ترجمahkan idea mereka kepada kosa kata yang sesuai. Maka murid perlu membuat rujukan atau pilih cara yang mudah dengan menanyakan pada guru sahaja.

Kajian ini telah dijalankan oleh seorang guru Bahasa Melayu yang merupakan bukan penutur jati Bahasa Cina, juga mendapati agak sukar untuk menarik minat murid untuk seronok menulis dalam Bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa murid lebih cenderung dan minat menggunakan multimedia untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Hal ini dikenal pasti oleh guru yang menjalankan kajian ini semasa berlangsungnya Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sewaktu Covid-19 antara tahun 2020-2021.

Menurut Julita (2017), pengajaran dan pembelajaran yang membawa kepada kecemerlangan murid adalah bermula daripada penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dalam bilik darjah. Pengajaran yang berkesan haruslah merangkumi aspek-aspek utama seperti merancang, melaksana, menilai dan meminta maklum balas. Hal ini bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ingin disampaikan kepada murid-murid.





Didapati masalah seterusnya yang berlaku di sekolah adalah pembelajaran konvensional di mana para guru hanya mengaplikasikan kaedah pengajaran '*chalk and talk*' untuk pembelajaran kemahiran menulis dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Faridah (2013) pula, dalam konsep pengajaran '*chalk and talk*' ini, guru hanya berperanan sebagai tenaga pengajaran yang utama di hadapan kelas dan murid hanya menerima, mendengar dan menulis setiap maklumat yang ingin diberikan oleh gurunya.

Hal ini menyebabkan murid tidak berminat untuk mendalami Bahasa Melayu tetapi hanya bergantung kepada guru untuk mendapatkan idea untuk menulis. Berdasarkan kaedah ini, pengajaran para guru hanya tertumpu kepada penggunaan papan hitam untuk menulis maklumat. Kajian ini mendapati para guru di sekolah tersebut hanya menggunakan papan hitam untuk mengajar cara-cara menulis perkataan dan menulis ayat-ayat pendek kepada murid-muridnya. Guru-guru juga menyebut idea-idea atau kosa kata secara verbal di mana murid-murid cepat lupa atau hanya setakat menyalin semula ayat sahaja setelah perbincangan. Ini menyebabkan murid-murid cepat bosan dan tidak dapat menulis tanpa bimbingan. Murid-murid ini menjadi terlalu bergantung kepada guru semata-mata.

Menurut Salleh (2011), sesuatu pengajaran yang berkesan memerlukan kebijaksanaan guru-guru untuk mengubah suai pelan strategi pengajaran dan pembelajaran mengikut penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang disesuaikan dengan kaedah pengajaran. Contohnya, guru boleh menggunakan kaedah nyanyian





dalam pengajaran agar aktiviti pembelajaran murid-murid lebih menyeronokkan dan pengajaran akan memberikan kesan positif terhadap prestasi pembelajaran seseorang murid.

Bahan bantu mengajar (BBM) dan guru merupakan gabungan yang penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun, guru-guru menghadapi pelbagai masalah untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang kreatif dan interaktif. Menurut Lai et. al. (2002), antara kekangan yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) adalah seperti masalah beban masa mengajar yang banyak, bahan maujud tidak mencukupi, masa tidak mencukupi, kurang praktikal, kurang mahir untuk membina sesuatu bahan bantu mengajar untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, semua guru haruslah menyedari bahawa penggunaan bahan bantu mengajar adalah amat penting agar penyampaian kurikulum pengajaran berkesan kepada setiap murid.

Selain itu, perkongsian BBM adalah tidak digalakkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia sepanjang tahun 2020 hingga 2021 sebagai rentetan daripada Pandemik Covid-19. Maka, penggunaan BBM dan kebersihan bahan yang digunakan bersama perlu dipantau dan dikawal bagi mengelakkan perebak bakteria atau virus yang kemungkinan besar membawa wabak Coronavirus itu.

Berdasarkan perhatian dalam kajian ini, guru-guru yang mengajar kemahiran menulis dengan memakai buku-buku teks yang disediakan oleh Kementerian





Pendidikan Malaysia. Buku-buku teks yang dibekalkan untuk membantu guru-guru ini untuk meningkatkan perhatian dan fokus murid dalam pengajaran bilik darjah. Ini kerana, buku teks bersifat sehalu dan kurang interaktif. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu harus membina bahan bantu mengajar untuk menarik minat dan memudahkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran kepada murid dalam bilik darjah.

Guru yang menjalankan kajian ini yang merupakan bukan penutur jati Bahasa Cina juga mendapati agak sukar untuk menarik minat murid agar seronok menulis dan membina ayat dalam Bahasa Melayu kerana terpaksa gunakan Bahasa Inggeris sahaja sebagai bahasa perantaraan dengan murid-murid. Kajian ini mendapati bahawa murid lebih cenderung dan minat menggunakan multimedia untuk mempelajari sesuatu kemahiran terutamanya dalam PdPc atau PDPR mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini dikenal pasti oleh pengkaji semasa berlangsungnya Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR) berlangsung.

Pemerhatian pengkaji disokong oleh kajian daripada Julita (2017) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang membawa kepada kecemerlangan murid bermula dari penggunaan kaedah pengajaran yang efektif dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran yang efektif perlu merangkumi aspek-aspek kunci seperti perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan penerimaan maklum balas. Ini bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid dengan berkesan.





Malahan, pada zaman sekarang, guru-guru haruslah melaksanakan pengajaran yang seiring dengan perkembangan dunia teknologi multimedia agar murid pada zaman kini lebih berminat untuk belajar dan menguasai bidang bahasa terutamanya kemahiran menulis. Menurut Supramaniyam (2015), penggunaan teknologi komputer dan perisian yang bersesuaian dalam pendidikan di Malaysia berupaya memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut kehendak dan keperluan semasa sistem pendidikan.

Sejajar dengan perkembangan teknologi dalam pendidikan setelah fasa pandemik, guru-guru juga telah banyak menghadiri seminar dan kursus yang berkaitan dengan penggunaan perisian, aplikasi dan teknologi terkini dalam komputer dalam penyediaan bahan-bahan PdPR untuk membantu guru-guru mempelbagaikan tapak pengajaran selain pembelajaran konvensional. Maka berbekalkan ilmu-ilmu yang diperoleh, guru-guru haruslah mencari ikhtiar yang berguna agar dapat membantu menarik minat murid-murid untuk menguasai kemahiran menulis yang ingin disampaikan kepada mereka secara berkesan.

Bukti di atas menjelaskan bahawa para pendidik seharusnya mengambil peluang dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di mana setiap guru dan murid diberikan satu tapak yang dibangunkan oleh Google secara percuma iaitu Google Classroom untuk mempelbagai kaedah pengajaran dengan menggunakan teknologi multimedia agar minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran dapat dipupuk terutamanya dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji





mengaplikasikan suatu kaedah yang dapat menjana pemikiran murid seperti pendekatan *Flipped Classroom* atau terjemahannya dalam Bahasa Melayu yang dikenali sebagai pembelajaran kelas terbalik dalam menguasai kemahiran menulis ayat.

Oleh itu, kajian ini telah memilih pendekatan *Flipped Classroom* sebagai strategi untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid. Flipped Learning atau *Flipped Classroom* merupakan kaedah di mana murid mencari, memahami, atau merangka bahan atau membuat tugas sebelum menghadiri kelas. Biasanya, ini dilakukan dalam bentuk atas talian disebabkan oleh keperluan komunikasi dan aksesibiliti. Dalam konteks Bahasa Melayu, *Flipped Learning* juga dikenali sebagai Pembelajaran Terbalik atau Pembelajaran Bilik Darjah Terbalik.



Universiti Cedarville, Ohio, Amerika Syarikat (Baker & Mentch, 2018). *Flipped classroom* ialah kaedah yang memerlukan para murid memahami konsep atau topik tertentu melalui pembelajaran sendiri sebelum PdPc berlaku dalam bilik darjah. Berdasarkan Chua dan Lateff (2014), model pembelajaran *Flipped Classroom* mempunyai kelebihan berdasarkan dua fasa pembelajaran iaitu fasa pertama dengan memberi ruang kepada murid untuk belajar secara sendiri dan fasa kedua iaitu murid belajar membina pengetahuan melalui pengalaman atau melalui bimbingan guru dan rakan.





Sehubungan dengan itu pakar pendidikan berpendapat kaedah Flipped Classroom dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif. Sehubungan itu, guru perlu mencabar pemikiran murid dengan memberi pelbagai tugas yang memerlukan pemikiran kritis dari peringkat awal lagi. Kemahiran berfikir aras tinggi murid perlu diasah sejak kecil lagi, bukannya di penghujung pengajian seperti yang berlaku dalam pengajaran tradisional yang sedia ada (Smith et al., 2018).

Berdasarkan kajian tinjauan, kebanyakan guru kurang memvariasikan pendekatan, kaedah, atau teknik dalam proses pembelajaran dan fokus guru pada hasil penulisan daripada proses menulis dipercayai menjadi faktor utama yang menyebabkan kurangnya kecekapan murid dalam menulis ayat (Marohaini, 2004). Penggunaan kaedah dan teknik oleh guru yang lebih menitikberatkan hasil penulisan boleh menghalang kemampuan murid untuk mengembangkan kemahiran berfikir serta menghasilkan idea yang gramatikal dalam penulisan mereka.

Oleh itu, pengkaji telah memilih pendekatan *Flipped Classroom* sebagai strategi untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid. Flipped Learning atau *Flipped Classroom* merupakan kaedah di mana murid mencari, memahami, atau merangka bahan atau membuat tugas sebelum menghadiri kelas. Biasanya, ini dilakukan dalam bentuk atas talian disebabkan oleh keperluan komunikasi dan aksesibiliti. Dalam konteks Bahasa Melayu, *Flipped Learning* juga dikenali sebagai Pembelajaran Terbalik atau Pembelajaran Bilik Darjah Terbalik.



Beberapa aktiviti *Flipped Classroom* yang boleh dilaksanakan termasuk membaca nota, menjawab soalan set di Quizizz, membuat tugas di *Google Classroom*, menyediakan persembahan PowerPoint, membuat senarai mainan atas talian di laman *YouTube*, dan merangkumi pembinaan nota ringkas serta aktiviti lain. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan bahan seperti grafik gambar tunggal dari Bahagian A berdasarkan format peperiksaan UPSR, nota kosa kata, dan video dari *YouTube*.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan *Flipped Classroom* dalam penguasaan kemahiran menulis bagi murid-murid Tahun 5. Berdasarkan objektif umum ini, dibentuk pula objektif khusus sebagai satu garis panduan yang menentukan pencapaian objektif umum tersebut. Justeru, objektif khusus kajian ini adalah untuk :

- i. Menenal pasti peratus pencapaian markah dalam Ujian Bina Ayat Penyata sebelum dan selepas aplikasi pendekatan *Flipped Classroom*
- ii. Menjelaskan perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian markah dalam Ujian Bina Ayat Penyata sebelum dan selepas aplikasi pendekatan *Flipped Classroom*



- iii. Menjelaskan kesan aplikasi pendekatan *Flipped Classroom* terhadap peningkatan kemahiran menulis ayat penyata dalam kalangan murid Tahun 5

1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah peratus pencapaian markah dalam Ujian Bina Ayat Penyata sebelum dan selepas aplikasi pendekatan *Flipped Classroom*?
- ii. Adakah terdapat perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian markah dalam Ujian Bina Ayat Penyata sebelum dan selepas aplikasi pendekatan *Flipped Classroom*?



- iii. Apakah kesan aplikasi pendekatan *Flipped Classroom* terhadap peningkatan kemahiran menulis ayat penyata dalam kalangan murid Tahun 5?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hipotesis nol yang berikut :

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dalam ujian pasca antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.





1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Guru

Kajian ini akan memberi sumbangan idea kepada guru yang ingin meningkatkan kemahiran menulis ayat nyata dalam kalangan murid, sama ada mereka dari sekolah rendah atau sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga membantu guru menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang menarik dan menyeronokkan, serta dapat merangsang minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Lebih penting lagi, kajian ini membolehkan guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menarik di luar bilik darjah menggunakan pendekatan *Flipped Classroom* yang lebih canggih dan kreatif mengikut peredaran masa dan pembaharuan dalam teknologi. Pendekatan ini juga membantu guru menjimatkan masa dan kos dalam penyediaan bahan pengajaran.



1.7.2 Sekolah

